

**IMPAK FILEM MENTEGA TERBANG DAN CABARAN DALAM
PENDEKATAN DAKWAH: KAJIAN KEFAHAMAN TERHADAP
MAHASISWA FAKULTI KEILMUAN ISLAM, UNIVERSITI
MELAKA**

***THE IMPACT OF THE FLYING BUTTER MOVIE AND CHALLENGES
IN THE APPROACH OF DAKWAH: A STUDY OF THE
UNDERSTANDING OF STUDENTS OF THE FACULTY OF ISLAMIC
SCIENCES, UNIVERSITY OF MELAKA***

Mahmood Sabtu*

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Muhammad Norazam Nordin

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Abdul Aziz Abdullah

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Mohd Naufal Mohd Sharif

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Nur Fatin Adibah Mohamad Farliza

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: mahmood@unimel.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 14 November 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Sabtu, M., Nordin, M. N., Abdullah, A. A., Mohd Sharif, M. N. & Mohamad Farliza, N. F. A. (2025). Impak Filem Mentega Terbang Dan Cabaran Dalam Pendekatan Dakwah: Kajian Kefahaman Terhadap Mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 227-237.

ABSTRAK

Filem mempunyai pengaruh yang kuat dan mampu mencorakkan tingkah laku orang ramai. Keistimewaan ini menyebabkan filem amat berguna dalam menyampaikan mesej dakwah Islam terutamanya dalam kalangan mahasiswa/i Institut Pengajian Tinggi (IPT). Namun di Malaysia kita ketandusan dalam menghasilkan filem Islam kerana tiada kerjasama di antara penggiat filem dan golongan agamawan serta tiada satu piawaian patuh syariah yang perlu diikuti oleh mana-mana penggiat filem dalam menghasilkan filem Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak Filem Mentega Terbang dan cabaran dalam pendekatan dakwah serta ianya satu kajian kefahaman terhadap mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka. Bagi mengenalpasti impak filem yang menggugat akidah umat Islam hari ini adalah, kajian menganalisis filem Mentega Terbang yang boleh ditanggapi sebagai filem yang meruntuhkan akidah. Kajian ini menggunakan metode kuantitatif. Borang soal selidik dibuat dan diedarkan melalui secara atas talian 'Google Form' kepada mahasiswa/i Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka. Kemudian, segala data yang diperolehi daripada sampel akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kekerapan dan peratusan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sampel dapat mengenalpasti impak dan cabaran yang dihadapi dalam masyarakat masa kini terhadap keruntuhan akidah yang disebabkan oleh filem yang bercanggah dengan syariat Islam. Kesimpulannya, dalam pembuatan filem yang berunsurkan perbandingan agama dan juga akidah umat Islam mestilah terlebih dahulu mendapatkan pandangan daripada pihak yang bertanggungjawab dalam menangani isu agama ini seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Semua perkara ini perlu dibatasi agar mampu memberi impak yang baik kepada penonton dan dapat menjadi contoh serta teladan kepada generasi yang akan datang.

Kata kunci: filem dakwah, akidah umat islam, patuh syariah, mesej dakwah.

ABSTRACT

Movies have a strong influence and are able to shape people's behavior. This privilege makes films very useful in conveying the message of Islamic preaching, especially among students of Institutes of Higher Education (IPT). However, in Malaysia we are lacking in producing Islamic films because there is no cooperation between filmmakers and religious groups and there is no Sharia-compliant standard that any filmmaker must follow in producing Islamic films. Therefore, this study aims to identify the impact of the Flying Butter Film and the challenges in the preaching approach and it is a study of understanding of the students of the Faculty of Islamic Studies, University of Melaka. In order to identify the impact of films that challenge the faith of Muslims today, the study analyzes the film Mentega Terbang which can be perceived as a film that destroys the faith. This study uses quantitative methods. A questionnaire was created and distributed through online 'Google Form' to students of the Faculty of Islamic Sciences, University of Melaka. Then, all the data obtained from the sample will be analyzed using frequency and percentage analysis methods using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software.

The results of the study show that the sample can identify the impact and challenges faced in today's society against the collapse of faith caused by films that conflict with Islamic Sharia. In conclusion, in making a film that compares religions and also the beliefs of Muslims, it is necessary to first get the views of the parties responsible for dealing with these religious issues such as the Islamic Development Department of Malaysia (JAKIM). All these things need to be limited in order to be able to have a good impact on the audience and to be an example and role model for the next generation.

Keywords: *dakwah film, Muslim faith, Syariah compliance, dakwah message*

1.0 PENGENALAN

Seantero dunia mempunyai setiap cara pembuatan filem yang berbeza termasuk filem di tanah air kita iaitu filem Malaysia. Namun, filem atau wayang gambar adalah satu bentuk seni tampak mempersembahkan rupa atau wayang yang menyampaikan sebuah cerita yang membangkitkan suasana, pandangan dan perasaan terdiri daripada rentetan atau turutan gambar yang bergerak diiringi bunyi termasuk muzik. Penghasilan atau pembikinan cerita menggunakan kaedah ini serta industri melibatkan penggiatan sedemikian secara umumnya disebut sebagai perfileman.

Cerita yang disampaikan dalam medium filem, mencerminkan budaya masyarakat yang membentuk kerana sifatnya yang merakam pergerakan dan persekitaran latar yang dirakam langsung pada saat itu. Ia dipergunakan sebagai wahana penting mendidik atau menyemai pemikiran dalam masyarakat umum yang mudah menangkap berdasarkan apa yang dilihat di layar. Mansor Ahmad Saman (1983) berpendapat bahwa filem adalah satu media yang sangat popular di negara Malaysia. Pada awalnya penglibatan Malaysia dalam industri perfileman ini tidak berkembang sebagai satu industri yang besar. Namun, industri filem Melayu mula menampakkan tanda perkembangan pada tahun 1960-an. Sejarah pembikinan filem berasal daripada konsep imej bergerak didahului oleh seorang jurugambar British, Eadweard Muybridge. Manakala, Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2006) menyatakan bahawa pada tahun 1887, antara wayang awal menunjukkan kuda sedang berlari yang berjaya dirakam oleh beliau.

Dalam membincangkan definisi filem, ia mempunyai ruang lingkup kontekstual dan dimensi penakrifan yang sangat luas. Banyak pengertian tentang filem yang diberikan. Filem merupakan satu produk teknologi yang berkembang mengikut peredaran zaman, dari segi jalan cerita, warna dan budaya masyarakat sesebuah negara. Ianya adalah sebagai satu alat teknologi maya dan produk seni budaya baru yang mudah mempengaruhi masyarakat setempat. Dan dari sini lah terciptanya pengaruh yang sangat besar bagi pemikiran masyarakat dari dulu sehinggalah sekarang.

Dalam membahaskan tentang sesebuah filem yang memberi pengaruh besar kepada masyarakat umumnya, perlu diketahui bahawa filem adalah merupakan suatu alat pandang dengar sahaja. Ianya boleh digunakan sebagai satu alat untuk mendidik, menghibur dan juga sebagai satu alat untuk menyampaikan maklumat.

Hal ini kerana, ia memberikan pengaruh yang sangat kuat dan secara tidak langsung mencorakkan tingkah laku seseorang. Dalam penerbitan sesebuah filem bukan sahaja mempengaruhi tingkah laku orang ramai, malah boleh memberikan kesan yang positif dan juga sebaliknya bagi individu yang menonton. Media massa banyak digunakan pada ketika ini, seperti filem boleh diakses walau dimana sahaja kita berada.

Seterusnya, dakwah menurut bahasa seperti seruan, panggilan dan undangan. Manakala menurut istilah pula ia bererti menyeru atau mengajak manusia untuk melakukan kebaikan dan melaksanakan perintah Allah SWT. Ianya juga menyeru manusia kearah ajaran Islam yang merupakan satu usaha untuk mengejar kebenaran kepada mereka yang lalai, membawa berita baik tentang nikmat dunia dan nikmat syurga, memberi amaran tentang balasan neraka di akhirat dan kesengsaraannya. Seperti yang kita tahu dakwah yang disampaikan oleh para nabi dan rasul terdahulu dalam menyeru manusia supaya berbuat baik dan meninggalkan segala kemungkaran supaya taat kepada Allah SWT. Bahkan pada ketika ini dakwah disampaikan oleh golongan-golongan yang diiktiraf ilmu agamanya seperti ulama' dan juga asatizah yang lain dalam menyampaikan ilmu agama kepada golongan masyarakat dan juga belia.

Seperti yang kita ketahui, filem juga amat berguna dalam menyampaikan dakwah serta mengajak manusia dalam mengingati Allah s.w.t termasuk ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Ia banyak memberikan faedah dalam penyampaian ilmu-ilmu agama Islam kepada masyarakat Islam di seluruh Malaysia. Bukan itu sahaja, melalui pendekatan seperti ini lah dapat menarik minat orang bukan Islam dalam mengenali Islam. Namun seiring peredaran zaman, masih terdapat banyak filem-filem yang memberi impak dan pengaruh kepada gejala sosial pada masa kini. Contohnya seperti menggunakan kata-kata kesat, buli, kelakuan tidak senonoh, pemikiran barat dan sebagainya. Dalam surah An-Nur ayat 21 Allah berfirman iaitu:

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar.”* (Surah An-Nur: 21)

Jelaslah di sini bahawa Islam amat menitik beratkan segala apa yang berlaku di muka bumi Allah SWT. Sebagai hamba dan juga khalifah di muka bumi Allah, hendaklah kita membuat perkara-perkara yang mendatangkan manfaat kepada manusia yang lain tidak kira bangsa mahupun agama.

2.0 TEORI FILEM DAN DAKWAH

Norinawati (2007) berpendapat bahawa filem adalah satu bentuk seni dalam penyampaian naratif yang mempunyai prinsip dan gaya tersendiri. Setiap bentuk yang dihasilkan mempunyai corak perkembangan tersendiri dari permulaan hingga ke penghujung sesebuah filem yang merangkumi peranan seperti *mise-en-scene*, *shot*, penyuntingan, bunyi dalam pembentukan naratif dan gaya visual filem.

Sesebuah filem itu dapat menyampaikan mesej dan kesan melalui struktur dan stailnya.

Manakala, terdapat banyak definisi dakwah yang dikemukakan, namun dalam memahami pengertian dakwah itu secara tepat ianya akan membawa kepada pengertian secara etimologis dan terminologisnya makna dakwah tersebut. Dari segi etimologisnya, dakwah bermaksud menjemput atau mengajak atau erti kata lainnya juga disebut sebagai *daawa*, *dawah*, *dawah*, atau *dakwah*. Ianya adalah satu tindakan yang membawa kepada mengajak atau menyeru individu untuk memeluk agama Islam. Manakala dalam al-Quran, istilah dakwah mempunyai segi-segi lain iaitu dakwah juga dijelaskan sebagai tugas untuk “secara aktif menggalakkan umat Islam dalam penerusan kewarakan lebih kuat dalam semua aspek hidup mereka” suatu takrifan yang menjadi pusat pada fikiran Islam sezaman.

3.0 SINOPSIS MENTEGA TERBANG

Filem Mentega Terbang ini merupakan filem yang menjadi kontroversi dalam negara Malaysia yang berunsurkan sosial dan agama. Filem ini yang diterbitkan pada 28 November 2021 di Jogja-NETPAC Asian Film Festival 2021 ialah sebuah filem bebas Malaysia arahan Khairi Anwar. Mentega Terbang ini mengisahkan kisah seorang remaja perempuan yang beragama Islam yang bernama Aisyah, dengan ibunya yang merupakan seorang penghidap kanser terminal, sementara bapanya merupakan liberal keagamaan dan sering mempersoalkan soal hidup dan mati. Dalam filem ini, Aisyah mula mendalami aspek-aspek pelbagai agama seperti mendalami kitab-kitab suci agama yang lain seperti *Bible*, *Al-Quran* dan *Veda*. Setelah ibunya meninggal dunia, Aisyah ternampak seekor kupu-kupu menetap di atas pusara ibu nya, menyebabkan Aisyah kemudian mula tertarik kepada konsep reinkarnasi atau dalam pemahaman Islam dikenali sebagai istilah *Tanasukh Al-Arwah*. *Tanasukh Al-Arwah* iaitu perpindahan roh yang menyerupai konsep kepercayaan agama Hindu (Muhammad Adduat, 2017).

Seperti yang dibincangkan, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana filem Mentega Terbang memberi impak kepada masyarakat di negara khususnya industri perfileman Malaysia dari segala aspek dan cabaran yang perlu dihadapi masyarakat kini dalam menerima intipati mesej-mesej yang ingin disampaikan dalam filem tersebut. Bahkan bukan itu sahaja, apakah cabaran yang perlu dihadapi bagi pelajar aliran agama dalam pendekatan dakwah untuk menangani filem seperti ini.

Filem ini menjadi kontroversi di negara Malaysia kerana ianya cuba untuk menghidupkan pemikir-pemikir bebas iaitu pemikiran liberal. Watak utama iaitu Aisyah yang pada minit awal nya beliau sedang membaca kitab agama lain iaitu kitab *Bible* yang dipinjamkan oleh Auntie Esther, dan setelah itu ia membahaskan isi kandungan di dalam kitab itu bersama ibu bapanya ketika makan. Aisyah yang merupakan seorang pelajar sekolah menengah yang terpesona dengan kelainan agama yang lain terutama tentang apa yang akan berlaku selepas kematian.

Aisyah mempunyai persoalan yang besar bermain di fikirananya iaitu mengenai kehidupan selepas mati. Dengan seorang ibu yang mempunyai penyakit kanser dan juga seorang bapa yang mempunyai pemikiran liberal dan bersikap terbuka dengan apa sahaja persoalan. Oleh disebabkan itu, Aisyah mula

mengembara ke satu agama ke agama yang lain. Dari Kristian ke Judaism dan kemudian ke agama Hindu. Dari situlah, dia bertemu dengan pak cik Kasim, Suresh, Auntie Esther dan yang lain.

Maka, jelaslah di sini mengapa filem ini menjadi kontroversi di negara Malaysia dan mendapat kritikan di semua media massa dan masyarakat. Ini kerana, ianya akan mempengaruhi akidah umat Islam dan menyentuh sensitiviti agama yang lain. Oleh disebabkan itu artikel ini dibuat untuk melihat sejauh mana kefahaman mahasiswa/i akan isu yang timbul seperti.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif di mana pengkaji menggunakan kaedah soal selidik. Pengkaji memilih kuantitatif kerana ingin mengetahui impak filem mentega terbang dan cabaran dalam pendekatan dakwah, satu kajian kefahaman mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka. Secara umumnya universiti ini adalah merupakan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Oleh itu, secara ringkasnya bahawa reka bentuk kajian ini adalah ditentukan oleh tujuan kajian yang dibuat. Kamarul Shukri Mat Teh (2015) berpendapat bahawa reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Bukan itu sahaja, McMillan & Schumacher (1984) berpendapat ianya juga merujuk kepada cara penyelidikan mengendali kajian, dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Tujuan reka bentuk kajian adalah untuk mengawal punca-punca bias yang boleh mengganggu dapatan kajian.

5.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

Penemuan menunjukkan bahawa impak filem mentega terbang dan cabaran dalam pendekatan dakwah sememangnya memberi kesan dan pengaruh yang besar kepada mahasiswa/i Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka. Berdasarkan hasil analisis yang pengkaji peroleh pada bahagian analisis mengenalpasti tahap kefahaman mahasiswa/i terhadap impak Filem Mentega Terbang yang mempengaruhi pemikiran masyarakat pada masa kini, pengkaji dapati bahawa terdapat segelintir mahasiswa/i perlu mendalami lebih lagi ilmu agama kerana mereka masih lagi tidak menguasainya terutamanya pada bahagian filem yang mempromosikan nilai-nilai murni dari pelbagai kitab agama juga adalah filem dakwah. Ini membuktikan bahawa mahasiswa/i tidak mengambil berat dengan filem-filem yang memaparkan adegan-adegan seperti di atas. Hal ini dikhuatiri akan memesongkan akidah umat Islam terutamanya generasi muda, kerana mengambil mudah perkara tersebut.

Walaubagaimanapun, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mengambil inisiatif untuk memberikan ulasan dan pandangan terhadap filem ini menurut perspektif islam. Secara ringkasnya, terhadap beberapa tema utama yang perlu diperhalusi secara teliti dan berhati-hati. Ianya adalah seperti berikut:



Rajah 1: Aishah sedang membaca kitab Bible

5.1 Hukum Mempelajari Kitab Agama Lain

Luqman Tarmizi (2023) menyatakan bahawa dalam filem ini, dipaparkan bahawa watak utama Aishah begitu gemar membaca kitab-kitab yang lain seperti injil, taurat dan veda serta berkongsi pula isi kandungan kitab tersebut dengan ibu bapa nya. Dalam filem ini kitab oleh lihat di babak permulaan cerita ini, ketika Aishah sedang membaca buku kitab injil (*Bible*) dan juga di babak ia membahaskan apa yang ia telah baca bersama ibu dan bapa nya ketika di meja makan.

Para ulama membincangkan secara panjang lebar hukum seseorang Muslim membaca kitab-kitab agama lain. Ringkasannya, Imam Ibn Hajar Al-'Asqalani menyimpulkan bahawa hukumnya terbahagi kepada dua:

وَالأَوَّلَى فِي هَذِهِ الْمَسْأَلَةِ التَّفَرُّقَةُ بَيْنَ مَنْ لَمْ يَتِمَّ كُنْ وَيَصِرْ مِنَ الرَّاسِخِينَ فِي
الْإِيمَانِ فَلَا يَجُوزُ لَهُ النَّظَرُ فِي شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ بِخِلَافِ الرَّاسِخِ فَيَجُوزُ لَهُ وَلَا سِيَّمَا
عِنْدَ الْإِحْتِيَاجِ إِلَى الرَّدِّ عَلَى الْمُخَالَفِ وَيَدُلُّ عَلَى ذَلِكَ نَقْلُ الْأَئِمَّةِ قَدِيمًا
وَحَدِيثًا مِنَ التَّوَرَةِ وَالْزَمَانِ الْيَهُودِ بِالتَّصْدِيقِ بِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَا
يَسْتَحْرِجُونَهُ مِنْ كِتَابِهِمْ وَلَوْ لَا اعْتِقَادُهُمْ جَوَازَ النَّظَرِ فِيهِ لَمَا فَعَلُوهُ وَتَوَارَدُوا عَلَيْهِ

Maksudnya: Dalam permasalahan ini, adalah lebih baik untuk kita membezakan antara dua golongan, iaitu: (i) golongan yang tidak berkemampuan untuk mendalami soal keimanan dan teguh imannya,

maka mereka tidak diharuskan untuk membaca kitab-kitab agama lain. (ii) golongan yang telah mendalami soal keimanan dan teguh imannya, mereka ini diharuskan, lebih-lebih lagi jika ada keperluan untuk membantah hujah ke atas Islam.

Justeru, seseorang itu tidak boleh membaca dan mengkaji kitab-kitab agama lain dan buku-buku yang mengandungi fahaman yang sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar, melainkan setelah dia mempunyai fahaman agama yang mantap dan mendapat bimbingan daripada guru yang mursyid.

5.2 Pendekatan Dakwah

Selain itu, pada analisis objektif kedua pula iaitu mengenalpasti cara mahasiswa/i Fakulti Keilmuan Islam dalam menangani ideologi Filem Mentega Terbang melalui pendekatan dakwah. Pengkaji dapati bahawa keseluruhan mahasiswa/i Fakulti Keilmuan Islam dapat memahami cara dalam menangani ideologi filem seperti ini dari terus berleluasa. Hal ini sememangnya jika dilihat, filem ini cuba membawa pemikiran bebas dalam negara Malaysia. Ia telah mendapat kritikan dan tumpuan dari semua lapisan masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Bahkan mendapat kritikan daripada Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, akhbar Berita Harian, Astro Awani, Harakah *daily*, dan sebagainya.

Justeru itu, dalam al-Quran terdapat banyak ayat al-Quran yang menerangkan pendekatan dakwah Nabi Muhammad s.a.w kepada orang bukan Islam sehingga mereka terpengaruh dengan ajaran Islam dan mempraktikkannya. Pendekatan berasal daripada perkataan dekat manakala dakwah membawa maksud menyeru. Pendekatan dakwah adalah cara terdekat digunakan dalam melaksanakan dakwah untuk menarik dan mempengaruhi sasaran supaya menerima ajaran Islam yang dibawa oleh para nabi dan rasul. Seperti dalam babak Filem Mentega Terbang yang dilakukan oleh watak Pak Kasim yang menegur Jailani bapa kepada Aisyah supaya sentiasa perhatikan gerak geri anak nya agar tidak melanggar syariat Islam. Dalam babak itu Pak Kasim menegur bahawa Aisyah membawa seorang budak lelaki yang bukan Islam masuk ke dalam rumah ketika ketiadaan ayahnya iaitu Jailani. Jadi jelas lah disini bahawa perbuatan tersebut adalah perbuatan *amar ma'ruf nahi mungkar* iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Hasil kajian ini turut membuktikan bahawa mahasiswa/i Fakulti Keilmuan Islam cakna dengan perkembangan semasa dan ideologi-ideologi barat yang akan meruntuhkan akidah umat Islam. Hal ini kerana, semakin banyak golongan yang menjadi duri dalam daging untuk menghancurkan akidah generasi yang akan datang sebagai penerus perjuangan jihad umat Islam akhir zaman.

Seterusnya, pada analisis objektif yang terakhir iaitu pengkaji dapati bahawa menganalisis kaedah dan strategi yang berkesan bagi membanteras pengaruh Filem Mentega Terbang dari terus membawa kepada pemikiran barat menurut ajaran Islam dapat difahami oleh keseluruhan mahasiswa/i. Terutamanya tidak mencampur adukkan yang *al-haqq* dan juga yang *batil*. Ilmu agama dan pegangan akidah yang kuat dalam kalangan umat Islam perlulah ditingkatkan hari demi hari, zaman demi zaman agar filem-filem seperti ini tidak muncul dan menjadi isu besar dalam negara.

Disebabkan itulah, Islam mengajar umatnya agar tidak mudah lalai dengan kemewahan dan kesenangan dunia, kerana sifatnya adalah sementara.



Rajah 2: menunjukkan bahawa bapa Aishah sedang memberikan keizinan kepada Aishah jika merasa ingin menukar agama

5.3 Kebebasan Untuk Murtad

Luqman Tarmizi (2023) turut menyatakan pada bahagian penghujung filem, watak bapa secara jelas memberi keizinan dan restu kepada anaknya untuk mengkaji dan mencari agama yang sesuai dengan jiwa, sekaligus memberi kebebasan untuk memeluk agama tersebut. Bagi golongan yang berpegang kepada teori hak asasi manusia (HAM) menurut kerangka liberal, kebebasan untuk keluar daripada agama Islam perlu dinikmati oleh semua serta tidak boleh ada sebarang tindakan undang-undang terhadap perbuatan tersebut. Hal ini kerana ia tertakluk di bawah prinsip kebebasan agama yang termaktub dalam artikel 28 Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia (UDHR) 1948.

Seterusnya, Luqman Tarmizi (2023) berpendapat bahawa menurut perspektif Islam, hukuman ke atas perbuatan murtad adalah perlu bagi melindungi keimanan masyarakat dan tatanan sosial sebuah negara umat Islam. Jonathan Brown (2020) juga menyatakan hal yang demikian kerana perbuatan murtad, apatah lagi jika dipromosikan atau digalakkan secara terbuka merupakan satu bentuk galakan terhadap menzahirkan kebencian, pergolakan dalaman peribadi, atau kehilangan kepercayaan individu ke ruang awam dalam masyarakat. Ia berisiko dalam mencari fabrik sesebuah masyarakat itu sendiri.

5.4 Pluralisme Agama

Menurut Luqman Tarmizi (2023) juga berpandangan bahawa tema pluralisme agama diangkat secara konsisten dalam filem ini sejak awal hingga akhir. Dalam erti kata yang ringkas, pluralisme agama merujuk kepada pandangan, fikiran dan keyakinan bahawa agama-agama yang pelbagai dan berbeza-beza itu mempunyai

kesamaan dari segi ontologi (cabang falsafah yang mengkaji konsep seperti kewujudan dan realiti), soteriology (cabang ilmu teologi berkenaan keselamatan di akhirat) dan epistimologi (kajian tentang sifat pengetahuan, justifikasi dan rasionalisme kepercayaan).

Jelaslah disini bahawa impak dan cabaran yang terpaksa dihadapi umat Islam hari ini semakin mencabar. Jika tidak teguh imannya akan mudah terpesong dan sesat. Mahasiswa/i Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah golongan yang mudah dipengaruhi, kerana generasi ini adalah bersifat suka mencabar diri dan mencari pengalaman yang luas apabila jauh daripada pemerhatian keluarga. Oleh disebabkan itu, filem-filem seperti ini akan mudah mempengaruhi mereka jika tidak mempunyai ilmu agama yang asas sejak dari kecil.

6.0 KESIMPULAN

Analisis yang dilakukan terhadap impak Filem Mentega Terbang dan cabaran dalam pendekatan dakwah serta ianya satu kajian kefahaman terhadap mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka iaitu pengkaji mendapati bahawa setiap individu perlu menghayati ilmu agama dan ajaran akidah Islam yang sebenarnya bagi melahirkan generasi masa akan datang yang teguh dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah saw. Tidak cukup sekadar mempelajari ilmu agama, sebagai umat Islam kita perlulah mempraktikkan di dalam diri setiap individu agar dapat membezakan yang baik dan juga yang buruk. Seterusnya, dengan dapat membezakan filem-filem yang sememangnya membawa unsur-unsur ideologi barat, mahasiswa/i dapat mengelakkan dan memboikot filem ini dari terus ditayang di dalam negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia.

Perbincangan dalam kajian ini diharap dapat menjadi satu input yang baru kepada semua pihak mengenai pentingnya penghayatan ilmu agama dalam akidah umat Islam hari ini dalam melahirkan generasi Islam yang kuat imannya khususnya golongan mahasiswa/i. Kajian juga mendapati keseluruhan mahasiswa/i Fakulti Keilmuan Islam amat cakna dengan perkembangan dan isu-isu propaganda berkaitan dengan agama. Ini menunjukkan bahawa mahasiswa/i amat terkesan dengan filem yang membawa ideologi yang bercanggah dengan syariat Allah swt.

Walaupun bagaimanapun, kajian mendapati penghayatan ilmu agama dalam membentuk akidah umat Islam hari ini berperanan secara tidak langsung sebagai asas yang dapat menaikkan lagi semangat untuk mempertahankan agama dari diperkotak-katikan oleh orang yang kurang pengetahuan ilmu agama dan juga orang bukan Islam. Tuntasnya, diharap melalui kajian ini dapat menyumbang pengetahuan yang mendalam serta memberi kesedaran terhadap mahasiswa/i Fakulti Keilmuan Islam dalam mengendalikan isu-isu berbangkit terutamanya berkaitan dengan akidah umat Islam itu sendiri.

Sumbangan Pengarang

Sabtu, M., Nordin, M. N., Abdullah, A. A., Mohd Sharif, M. N. dan Mohamad Farliza, N. F. A.; menulis dan menyiapkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; membuat penyediaan keseluruhan artikel yang dilaksanakan secara bersama.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ayub, M. S. (2013). *Filem Ketika Cinta Bertasbih Mengikut Perspektif Hukum Islam. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.*
- Barker, D. T. (2022). *Penapisan Filem dan Impak Ke Atas Industri Filem di Malaysia.* A-2-10, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia: Pertubuhan Perfileman Sosial Malaysia (Freedom Film Network).
- Basir, M. A. (2022). Dabbe: The Possession (2013): Kesesuaian Tema Filem Dengan Kreativiti Sastera Islam. *Law, Policy, and Social Sciences.*
- Basir, M. A. (2022). Ruqyah: The Exorcism (2017): Filem Seram Islam Yang Keliru. *International Journal of Social Science Research (IJSSR).*
- Daily, H. (2023, March 7). *Ulasan mengenai filem kontroversi 'Mentega Terbang'.* From Harakahdaily: <https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/07/ulasan-mengenai-filem-kontroversi-mentega-terbang/>
- Hassan, F., & Yusoff, S. H. (2019). Membangunkan Tema Filem Berunsur Islam Melalui Filem Bisik Pada Langit. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities.*
- Hassan, J., & Jalil, S. J. (2022). Analisis Gaya Persembahan Isi Dalam Filem Dokumentari Jejak Rasul. *Jurnal al-Sirat, 20(I)*
- Idris, H. (2023, Mac 13). *Enam babak Mentega Terbang gugat akidah.* From Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/enam-babak-mentega-terbang-gugat-akidah/>
- Mahmud, F. S. (2023). *Kontroversi filem Mentega Terbang : SENIMAN buat laporan polis.* From Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebrite/2023/03/1071926/kontroversi-filem-mentega-terbang-seniman-buat-laporan-polis>
- Opir, H. B. (2018). Filem Berunsur Dakwah Di Malaysia: Kajian Dari Aspek Pemuatan Syaria. *Academy of Islamic Studies, University of Malaya.*
- Rasit, R. M., & Misrom, A. (2016). Analisis Elemen Patuh Syariah Dalam Filem Nur Kasih The Movie (2011) Berdasarkan Teori Filem Ar-Risalah. *Malaysian Journal of Communication.*
- Tarmizi, L. (2023, Mac 10). *Bayan Linnas Siri Ke-263: Perspektif Islam Terhadap Filem Mentega Terbang.* From Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://www.muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/5557-bayan-linnas-siri-ke-263-perspektif-islam-terhadap-filem-mentega-terbang>